

# Silat dan snooker turut ditanding

Antara 25 acara yang terpilih

Oleh  
**MOHD SANI ALI**

**PENYERTAAN** pencak silat dan snooker antara 25 acara yang akan dipertandingkan dalam Sukan SEA Ke-14 di Jakarta tahun depan bukan saja merupakan berita yang mengembirakan, malah memmeranjatkan.

Ini adalah reaksi awal dua buah badan — Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dan Majlis Billiard dan Snooker Singapura (SBSC) — apabila diberitahu mengenai keputusan mesyuarat Majlis Persekutuan Sukan SEA di Jakarta, semalam.

Setiausaha Agung Persisi, Johari H.M. Uriff, menegaskan bahawa akhirnya usaha yang telah dijalankan sejak 1979 untuk menempatkan pencak silat sebagai salah satu acara sukan di rantau ini menjadi kenyataan.

"Keputusan ini di luar dugaan kami," katanya sambil menarik perhatian bahawa pihaknya pernah empat kali gagal untuk menyertakan acara pencak silat dalam sukan ini.

"Kami amat bersyukur pencak silat mendapat pengitirafan sebagai salah satu cabang sukan," ujar Johari.

**27 AUG 1986**  
Terkejut

Melalui Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat), pihaknya akan berusaha agar Filipina dan Thailand dapat turut mengembangkan sukan ini pada masa akan datang.

Sementara itu, Peter Watson, Naib Presiden SBSC berkata: "Saya amat terkejut, tetapi cukup senang hati dengan penyertaan snooker dalam sukan ini."

Beliau agak terkejut kerana sukan ini telah diterima secara rasmi dalam Sukan SEA lebih awal daripada yang dijangka.

Katanya: "Kami menjangkakan ia mungkin akan menjadi acara Sukan SEA dalam masa beberapa tahun yang akan datang lagi," tambah beliau.

